

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 35 RABU 30HB. OGOS, 1972.

1392 رجب 20

PERCHUMA



Gambar atas menunjukkan D.Y.M.M. sedang di-ziarahi oleh salah sa-orang penduduk di-Kampung Bukit di-Daerah Tutong.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Daerah Tutong untuk melawat empat buah kampung di-daerah itu pada hari Selasa lepas.

Duli Yang Maha Mulia yang di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir dan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohd. Salleh, telah menaiki pesawat helikopter Askar Melayu Diraja untuk melakukan lawatan ka-kampung2 itu.

Kampung yang pertama di-kunjungi Baginda ialah Kampung Bukit di-Daerah Tutong. Baginda dan rombongan berehat di-Balai Raya kampung tersebut kira2 sa-tengah jam dan Baginda sempat bertemu ramah dengan penduduk2 di-kampung tersebut yang kebanyakan-nya dari puak Dusun.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan kemudian-nya berjalan kaki ka-Kampung Supon Kechil, Kampung Belabau dan Kampung Badawan di-Ulu Tutong sa-belum berangkat balek ka-Bandar Seri Begawan.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika menjalani Istiadat 'Akad Nikah.

MEMPELAI DIRAJA AKAN DI-ARAK MENGELILINGI BANDAR ESOK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tembakan meriam sa-banyak 17 das telah di-lepaskan sa-bagai menandakan sempurna-nya di-langsungkan "Istiadat 'Akad Nikah" bagi perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Muda Jefri Bolkiah

ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dengan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Istiadat 'Akad Nikah Diraja itu telah di-jalankan oleh Kadhi Besar, Yang Berhormat Begawan Pehin Katib Dato Utama Awang Haji Metali bin Matyassin, di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada petang hari Rabu lepas dengan di-saksikan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Yang Di-Muliakan Pehin Dato Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah membacakan do'a selamat di-Istiadat itu.

Akad Nikah Diraja itu telah di-saksikan oleh pembesar2 negara, termasuk Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pg. Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Muhammad Bolkiah; Penasehat Umum K e b a w a h D.Y.M.M., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg. Isa; Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir; Yang Amat Mulia Cheteria2; Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail; Pengiran2; Pehin2 dan pegawai2 kanan Kerajaan.

(Lihat muka 8)

JABATAN UGAMA TERBITKAN BUKU "BENARKAH UGAMA ISLAM STATIK DAN KONSERVATIF"

BENAR-KAH UGAMA ISLAM STATIK DAN KONSERVATIF, apa-kah ia-nya dapat di-terima menurut pergolakan dunia yang berkembang maju hari ini atau ia-nya hanya sa-bagai satu kalimat dari perasaan atau lintasan hati sendiri.

Untuk menghuraikan persoalan yang hebat ini, Bahagian Penerangan Ugama Islam Jabatan Hal Ehwal Ugama akan chuba berusaha menghuraikan persoalan ini mengapa ugama Islam itu di-angap Ugama yang sempit dan berfahaman kuno.

Sa-buah buku yang di-beri tajok: Benar-kah Ugama Islam Statik dan Konservatif yang di-kutip dari hasil cheramah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-raja Dato Seri Utama Haji Mohd. Zain kepada pelajar2 Tingkatan VI di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan Jalan Muara bulan lalu akan siap di-che-tak pada minggu pertama bulan September ini.

Buku itu akan di-isikan dengan masaalah2 yang patut di-ketahui (Lihat muka 8)

Masaalah pekerjaan dan penganggoran akan di-kaji oleh seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Masaalah belia2 dalam lapangan pekerjaan dan penganggoran dan masaalah2 yang sedang di-hadapi oleh belia2 dalam peranan mereka menjalankan usaha2 bidang ekonomi dari segi pengetahuan berniaga, pentadbiran ekonomi, modal dan pasaran akan di-binchangkan dalam dua seksi seminar ekonomi belia yang akan berlangsung pada 29hb. September hingga 1hb. Oktober hadapan.

Demikian yang telah terkandung dalam panduan umum seminar tersebut yang sedang di-edarkan kepada persatuan2 belia dan kebajikan yang akan turut serta dalam seminar tersebut.

Seminar tersebut akan di-bahagikan kepada dua seksi ia-itu seksi "A" dan "B".

Seksi "A" akan berusaha menchari fikiran2 mengenai masaalah belia2 dalam lapangan pekerjaan dan masaalah

penganggoran yang di-hadapi oleh mereka dari sa-genap sudut.

Seksi ini juga berusaha bagi menimbulkan apakah tujuan "menchari kerja" dalam kehidupan dan hubungan-nya dengan pembangunan negara sa-bagai sumbangan belia2 kepada pembangunan itu baik sa-chara individu maupun sa-chara perkumpulan.

Menerusi seksi ini juga akan menchari dan menghuraikan apakah peranan "potential" yang boleh di-jalankan oleh belia2 dalam bidang2 yang luas ini dan menchari dan menghuraikan kesan2 yang boleh timbul atau di-timbulkan daripada usaha2 atau tidak ada-nya usaha2 belia2 dalam bidang2 itu.

Sidang seksi "A" ini juga akan menghuraikan masaalah ekonomi dengan pendidekan dan pelajaran dalam konteks hubungan antara kedua2-nya dalam pengertian untuk mem-

(Lihat muka 8)



Gambar2 atas menunjukkan contoh pakaian yang akan di-pakai oleh atendan2 letak kereta. Warna pakaian lelaki ia-lah coklat dan hijau muda bagi warna pakaian perempuan.

Penarohan kereta berbayar mulai 1hb. September

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Bandaran, di-Bandar Seri Begawan telah menyediakan 1,000 tempat letak kereta berbayar yang akan di-mulai pada hari Jumaat 1hb. September ini.

Bayaran letak kereta itu mengandungi tiga peringkat ia-itu 20 sen, 30 sen sa-jam dan \$30.00 untuk letak kereta musim sa-lama sa-bulan.

Sa-banyak tiga tempat telah di-sediakan untuk letak kereta musim. Tempat2 itu ia-lah di-belakang Panggong Boon Pang, Jalan Pretty dan sa-bahagian-nya di-kawasan Dewan Kemasharakatan.

Sa-orang juruchakap di-Pejabat Bandaran berkata, mereka yang ingin memiliki tempat letak kereta musim boleh-lah menghantar permohonan mereka kepada Pemangku Lembaga Bandaran dengan sa-be-rapa segera.

Sa-takat ini lebih sa-ratus orang telah memohon untuk mendapatkan tempat letak kereta musim di-kawasan2 itu.

Jabatan itu juga telah mengambil 95 orang pekerja termasuk 75 orang wanita yang akan bertugas di-semua letak kereta berbayar dari jam 7.30 pagi hingga 5.30 petang pada tiap2 hari kechuali hari Ahad.

PAMERAN Seni Lukis dan Pertukangan bagi sekolah2 rendah Melayu peringkat kawasan dan daerah telah di-adakan di-sepanjang bulan Ogos ini pada tarikh2 yang berasingan.

Pameran bagi sekolah2 bahagian Brunei III telah di-adakan di-S.M. Dato Gandhi pada 19hb. Ogos. Sekolah2 di-kawasan Brunei I dan sekolah2 di-kawasan Tutong II telah mengadakan pameran itu pada 20hb. Ogos.

Pada 26hb. Ogos, pameran2 telah di-adakan di-S.M. Gadong bagi sekolah2 kawasan Brunei II dan pada hari yang sama Daerah Temburong telah mengadakan pameran itu di-S.M. Sultan Hassan, Bangar.

Pameran Seni Lukis dan Pertukangan Peringkat Seluruh Negeri akan di-adakan di-Dewan Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan sa-lama saminggu mulai 2hb. September, 1972.

Gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari lukisan2 yang di-pamerkan di-Sekolah Melayu Tanjong Maya pada 20hb. Ogos.

LUMBA KERETA

TUTONG. — Kelab Automobile Negeri Brunei telah mengadakan perlumbaan kereta merentas panai di-Pantai Seri Kenangan, Tutong pada hari Ahad.

Keputusan2-nya ia-lah saperti berikut:

Kelas Satu sa-hingga 1000 c.c., Pertama, Teoh Guan Hock, kedua, Johnnie Lim dan ketiga Kwa Siew Liong.

Kelas Dua, 1001 sa-hingga 2000 c.c., Pertama Ali Nordi, kedua, Momin Awang Besar dan ketiga Suresh Janardanan.

Kelas Tiga, ka-atas 2000 c.c., Pertama, Haji Abdullah bin Haji Manggol dan kedua Chua Chin Ming.

Kereta2 Saloon. — Pertama, Hamid Daud, kedua Nelson Yong dan ketiga Yaakub Adas.

Perlumbaan bahagian perempuan telah di-menangi oleh Jenny Chee.

Ali Nordin telah membuat masa yang paling laju dalam perlumbaan itu.

Sa-banyak 36 buah kereta mengambil bahagian dalam perlumbaan itu.

Pembinaan jalan raya Labi berjalan dengan lancar

KUALA BELAIT. — Kerja2 pembinaan projek jalan raya yang menghubungkan Rampayoh, Labi dan Bukit Puan dengan jalan besar Bandar Seri Begawan/Kuala Belait sedang berjalan dengan memuaskan.

Jalan sa-panjang 29 batu itu termasuk jalan yang ada sekarang dari Bukit Puan ka-satu kawasan sa-lepas Rampayoh.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kerja Raya di-Kuala Belait berkata, kira2 14 batu jalan tersebut dari simpang Sungai Liang sa-hingga dua batu sa-lepas Bukit Puan telah dibuboh tar.

Kerja2 menambak antara Bukit Puan dan Labi telah pun selesai.

Projek tersebut juga melibatkan pembinaan tujuh buah jambatan2 konkret di-mana lima buah telah pun siap termasuk sa-buah jambatan yang berukuran 418 kaki ia-itu yang paling panjang di-Sungai Belait.

Pembinaan bagi dua buah jem-

3,487 orang masuk pemeriksaan ka-Sekolah Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 3,487 orang dari sekolah2 rendah Melayu diseluruh negeri akan memasuki peperiksaan ka-Sekolah2 Inggeris Kerajaan bagi tahun 1973 yang akan di-adakan pada 30hb. September, 1972.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 2,224 orang calon adalah dari Daerah Brunei-Muara; 568 orang calon dari Daerah Belait; 545 orang calon dari Daerah Tutong dan calon2 dari Daerah Temburong hanya 150 orang calon.

Sekolah2 kawasan Brunei II ada-lah yang paling ramai mengemukakan calon dengan 984 orang. Ini di-ikuti oleh Brunei I dengan 937 orang calon; Daerah Belait 568 orang calon; Brunei III, 303 orang calon; Tutong II, 275 orang calon; Tutong I, 270 orang calon dan Temburong 150 orang calon.

Peperiksaan tersebut akan di-adakan di-17 buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri.

Sementara itu peperiksaan ka-Sekolah2 Menengah Kerajaan bagi tahun 1973 akan di-adakan di-44 buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri pada 2hb. Oktober, 1972.

Sa-ramai 1,564 orang calon dari Sekolah2 Rendah Melayu akan mengambil peperiksaan tersebut.

Dari jumlah tersebut sa-ramai 797 orang calon dari sekolah2 di-Daerah Brunei-Muara; 354 orang calon dari Daerah Tutong; 303 orang calon dari Daerah Belait dan 110 orang calon dari Daerah Temburong.

batan yang lain sedang di-jalankan.

Sa-lain dari itu, projek tersebut juga melibatkan pembinaan tujuh buah jambatan bailey antara Bukit Puan dan Rampayoh.

Yang panjang sekali ia-lah jambatan di-Sungai Petai yang panjang-nya 600 kaki.

Jika tidak ada halangan jalan raya itu di-jangka siap dalam tahun depan. Jalan itu akan digunakan sa-bagai jalan yang kedua kawasan tersebut.

Tinjau kegiatan AMDB

BERAKAS. — Sa-rombongan murid2 sekolah dari Kelab Panaga Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah melawat Khemah Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas pada hari Isnin lepas.

Pelawat2 tersebut di-sambut oleh Kapten Hussain bin Haji Sulaiman yang kemudian-nya menerangkan kepada mereka tentang tugas2 dan tanggung jawab pasukan itu.

Mereka di-bawa melawat kawahangan udara, padang tembak sasaran elektronik dan kolam renang, serta menyaksikan pertunjukan kawat senjata2 ringan.

Pelawat2 itu juga melawat pengkalan laut pasukan itu di-Muara.



BILA lagu Allah Selamatkan Sultan di-mainkan di-dalam sa-suatu majlis, orang akan berdiri tegak tanda menghormati-nya, tanda taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan negara. Orang yang tidak berdiri di-anggap tidak menghormati dan tidak taat setia kepada Sultan dan negara. Bagitu-lah juga di-dalam sembahyang, berdiri tegak, diam dan tundok tanda menghormati dan memperhambakan diri kepada Allah Subahanahu-wa-taala.

Berdiri ini hanya-lah merupakan satu penghormatan yang paling rendah darjat-nya. **Ruku'** darjah pertengahan dan sujud di-kira darjah penyembahan yang paling tinggi. Di-dalam sembahyang terdapat berdiri sa-telah bangkit dari **ruku'** yang dinamakan **iktidal**. Ia-nya menjadi rukun yang ke-enam di-dalam sembahyang, baik sembahyang apa sekali pun, kecuali sembahyang jenazah kerana tiada bagi-nya **ruku'** dan sujud yang demikian tiada-lah bagi-nya **iktidal**. Tidak sah **iktidal** melainkan ada tiga syarat yang mesti di-kerjakan:

Pertama — Tuma'ninah ia-itu berhenti di-dalam **iktidal** sekira2 tetap anggota, dan jangan-lah tangan maseh berhayun2 bangkit daripada **ruku'** itu terus turun sujud.

Kedua — Bangkit daripada **ruku'** dan berdiri memang kerana **iktidal** bukan di-sebabkan oleh sa-suatu yang lain seperti berdiri dari sebab terkejut di-jadikan **iktidal**.

Ketiga — Jangan di-panjangan lebih daripada kadar zikir yang di-sunatkan ia-itu lama-nya sa-kadar Fatimah sahaja, kerana **iktidal** di-kira rukun yang pindek jika sengahja di-panjangkan lagi, tahu akan haram-nya neschaya batal-lah sembahyang itu.

Pada masa **iktidal** itu, sunat mengangkat dua tangan beserta rukun pindek dan di-lakukan di-antara rukun' dan sujud ia-lah kerana turun kepada sujud, kita terpaksa tundok dan tundok kepada sujud itu bukan-lah bermaana kita rukun' tetapi tundok itu ia-lah jalan menyampaikan kepada sujud. Oleh kerana itu perlu di-bedakan antara tundok rukun' dengan jalan kepada sujud dengan satu perbuatan lain supaya kedua2-nya menjadi perbuatan taat yang tersendiri, maka **iktidal-lah** yang menjadi pemisah antara kedua2-nya.

Oleh kerana **iktidal** itu menjadi rukun bagi sembahyang, maka tidak-lah sah sembahyang sa-seorang yang tidak melakukan **iktidal**. Bukan sedikit kita dapati orang2 sembahyang melakukan kesalahan tentang perkara ini sahingga kerana hendak menyudahkan sembahyang dengan segera langsung tidak melakukan **iktidal** dengan sempurna-nya yang mana ke-cuaian ini tentu-lah merugikan diri kita sendiri disebabkan sembahyang kita itu tidak sah.

PERUBAHAN HARI KELEPASAN AWAM MEMPERINGATI ISRA' DAN ME'RAJ

JABATAN Hal Ehwal Ugama, Brunei mengumumkan bahawa oleh kerana ro'yah 1hb. Rajab, 1392 telah jatuh pada hari Jumaat 11hb. Ogos, 1972 yang lalu, maka hari memperingati Isra' dan Me'raj bagi tahun Hijrah 1392 ia-lah pada hari Rabu 6hb. September, 1972.

Oleh yang demikian hari kelepasan awam memperingati Isra' dan Me'raj bagi seluruh negeri pada hari Selesa 5hb. September, 1972 seperti yang di-terbitkan dalam Warta Kerajaan ada-lah di-ubah kepada hari Rabu 6hb. September, 1972.

Pada masa **iktidal** itu, sunat mengangkat dua tangan beserta

permulaan mengangkat kepala hingga berbetulan dua bahu sambil membaca: *Sami-Allah-hu liman hamidah*. Dan bila berdiri betul lepaskan-lah dua tangan serta membaca: *Rab-bana takal hamdu mil-assamawati wa mil-al-ardhi wa mil-ama si'ta min shai'en ba'adu*.

Di-kala hendak bangkit **iktidal** itu juga sebaik-nya hendak-lah ingat bahawa kita akan tegak berdiri lagi untuk memuji Allah, kita penohkan pengharapan semoga Allah mendengar puji2an yang kita hadapkan dan persembahkan kepada-Nya.

Sebab **iktidal** di-katakan

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 30hb. Ogos, 1972 hingga ka-hari Selasa 5hb. September, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
30hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
31hb. Ogos	12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6-14
1hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
2hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
3hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
4hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13
5hb. Sept.	12-24	3-41	6-30	7-42	4-41	4-56	6-13

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Bangar pada jam 9.00 pagi bersamaan hari Selasa ia-itu 12hb. September, 1972.

Oleh yang demikian penduduk2 yang berumur 21 tahun ka-atas yang tinggal di-Kampung Batang Tuau ada-lah di-minta hadir pada tempat, tarikh dan waktu yang di-tetapkan di-atas.

Sharat2 untuk menjadi calon ada-lah seperti berikut:-

- Chalun hendak-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan.
- Mesti-lah berumur diantara 20 tahun dan 45 tahun.
- Sekurang2-nya mempunyai kelulusan Darjah IV Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya.

(Lihat muka 7)

Wakil2 qari dan qari'ah Brunei I, II BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Brunei Satu telah memilih empat orang lelaki dan empat perempuan untuk mewakili bahagian itu ka-peraduan membaca Quran Peringkat Daerah Brunei-Muara yang akan di-adakan di-Madrasah, Bandar Seri Begawan pada 8hb. September.

Mereka ia-lah Awang Haji Wahid bin Awang Besar, Awang Hamid bin Munap, Awang Haji Mashod bin Awg. Damit, Awang Metussain bin Haji Mohammed, Dayang Buntar binte Awang Besar, Dayang Hajjah Raisah binte Haji Jumat, Dayangku Rosnah binte Pengiran Sulaiman dan Dayang Sairah binte Abdul Lamit.

(Lihat muka 7)

30hb. Ogos, 1972.

SEMAKIN RAMAI YANG BERILMU

PADA peperiksaan S.T.P. dan S.P.M. tahun ini akan diambil bahagian oleh kurang 7 orang 2,000 penuntut2 di-Brunei. Demikian menurut perangkaan yang di-berikan kepada kita tentang calon2 yang akan memasuki kedua2 peperiksaan itu.

Memandang kepada bilangan yang besar itu, maka terbayang dalam fikiran kita betapa dalam masa yang dapat di-katakan singkat, kita akan mempunyai bertambahnya bilangan orang yang berilmu, khususnya di-kalangan bumi putera.

Dalam pada itu, di-antara bilangan itu tidak kurang pula tentang bilangan penuntut2 yang gagal yang antara-nya akan terus lepas dari bangku sekolah. Mereka ini tentu-lah bakal menambah beberapa masalah yang tidak kurang payah-nya baik di-kalangan para ibu bapa sendiri mahu pun kepada negara.

Hal ini sudah menjadi asam garam bagi sa-sabua negara yang sedang membangun di-mana pembangunan itu tidak hanya berkisar dalam satu jurusan kemajuan dan perkembangan di-segi material-nya tetapi juga dari segi pertumbuhannya rakyat.

Kita tahu bahawa hampir saban tahun muncul para intelektual dan dengan hal yang demikian, bilangan mereka itu tentu-lah bertambah dan di-harapkan bakal membawa negara ini ke-arah kemajuan yang lebih berarti.

Sumbangan mereka terhadap rakyat dan negara sa-memangnya-lah satu2-nya yang di-pin-ta dan di-harap2kan dan kita yakin bahawa mereka juga mempunyai fahaman yang demikian. Kita yakin bahawa mereka ini sa-berapa boleh akan terus memberikan sumbangan2 yang berharga menurut ilmu yang ada di-dada masing2 dan mereka ini akan mencapai matlamat2 yang di-tuju itu dengan ada-nya saloran2, yang menggalakkan.

Pertumbuhan negara kita sekarang ini pula tidak mesti di-fikirkan oleh satu pihak sahaja seperti Kerajaan, para bijak pandai dan pegawai2 ting-gi, tetapi hendak-lah juga diambil bahagian oleh orang2 yang berada.

Kita harus sama2 memikirkan akan pertumbuhan rakyat sekarang ini dan harus pula sama2 menyumbangkan bakti kita untuk sama2 mengatasi beberapa masalah yang timbul dan mungkin timbul yang mana masalah2 itu tidak bijak jika hanya di-serahkan kepada Kerajaan semata2.

Orang2 yang berada, khususnya di-kalangan yang mempunyai latar belakang ekonomi yang kuat dan semakin kuat, harus-lah membuka langkah2 yang lebih besar dengan membuka beberapa perusahaan yang bakal di-khususkan untuk di-kendalikan oleh seratus-peratus bumi putera.

Apa jua sumbangan mereka untuk turut sama mengatasi masalah2 pertumbuhan rakyat ini ada-lah bakti yang sangat2 di-hargai oleh negara. Dan, kekayaan itu tidak akan berarti jika nilai-nya terlalu rendah di-mata masyarakat.



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan sedang menjemput bunga rampai sa-jurus sa-telah sempurna menchuliki bedak kepada Pengiran Norhayati dalam Istiadat Berbedak di-rumah Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman pada hari Ahad, malam Isnin lepas.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika berangkat masuk ke-Balai Singgahsana Istana Darul Hana untuk menjalani Istiadat Berbedak Diraja.

Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Dato Peter Gautrey kelihatan sedang menchuliki bedak kepada Yang Mulia Pengiran Norhayati.



Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, (di-sabalah kanan) ayahanda kepada Yang Mulia Pengiran Norhayati ketika melapadzkan bagi mewakili kepada Kadhil Besar untuk melaksanakan 'Akad Nikah' ka-atas anak-nya, Pengiran Norhayati dengan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

ISTIADAT2 MENJELANG PERKAHWINAN DIRAJA



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah kelihatan sedang menurunkan tanda tangan sa-jurus sa-telah berlang-Nikah di-lapdzkan dalam Istiadat 'Akad Nikah Diraja' yang berlangsung di-Mesjid Omar Ali Saifuddin pada petang hari Rabu yang lalu.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ketika menjiraskan minyak wangi sa-telah menchuliki bedak kepada Yang Mulia Pengiran Norhayati dalam Istiadat Berbedak di-rumah Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika berada di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana untuk menjalani Istiadat Berbedak Diraja.

Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman sedang menchuliki bedak kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah di-Istiadat Berbedak Diraja di-Istana Darul Hana.



Dua orang kanak2 yang berpakaian adat-istiadat ini telah mengambil peranan penting dalam Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja yang berlangsung pada petang hari Khamis yang lepas. Diraja yang berlangsong pada petang hari Khamis yang lepas, Kanak2 perempuan ini memakai pakaian laki2, bergelang pengaluan, gerunchong, kanching, pundu azimat, memakai jamang di-kepala-nya dan berpandeng tidak berbaju dan badan-nya di-urapi dengan tamu kuning. Sementara kanak2 laki2 ini di-gelar pemutus tali jintong dengan berpakaian lengkap.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah ketika ziarah Kebawah D.Y.M.M. sa-telah sempurna menjalani Istiadat 'Akad Nikah Diraja' di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Begawan Raja ketika menchuliki bedak kepada Yang Mulia Pengiran Norhayati di-Istiadat Berbedak Diraja di-rumah Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.



Yang Mulia Pengiran Siti Mawardi, bonda kepada Yang Mulia Pengiran Norhayati sedang menchuliki bedak kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Perlawanan bola sepak Jabatan2 Kerajaan: Pasokan AMDB dapat mata tinggi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menchipta mata kemenangan yang tinggi sekali dalam perlawanan bola sepak sa-chara pusing keliling (league) antara jabatan2 Kerajaan.

Demikian menurut keputusan mata perlawanan yang di-mulakan dari 5hb. hingga 25hb. Ogos yang lalu yang berlangsung di-tiga tempat ia-itu di-Padang Besar Bandar Seri Begawan, Padang SMJA dan Padang Askar Melayu Diraja Brunei.

Perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei (BAFA) bagi merebut PERISAI yang di-kurniakan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Haji Mohammad bin Pengiran Abdul Rahman Piut.

Dalam perlawanan sa-hingga 25hb. Ogos itu, pasokan AMDB telah menchipta 13 mata dengan memenangi sa-banyak enam dari tujuh perlawanan termasuk sa-kali seri. Pasokan itu berjaya menjaringkan sa-banyak 53 gol dan hanya 7 gol sahaja yang berjaya di-jaringkan oleh pihak lawan-nya di-kubu pertahanan pasokan itu.

Pasokan Jabatan Pelajaran mengambil tempat yang kedua dengan menchipta 10 mata kemenangan-nya apabila ia-nya memenangi lima dari enam perlawanan, termasuk sa-kali kalah. Pasokan itu berjaya menjaringkan 33 gol dalam ke-enam2 perlawanan itu dan 10 gol di-jaringkan oleh pihak lawan-nya.

Jabatan Kerja Raya memenangi tiga perlawanan, dua kali seri dan sa-kali kalah dan berjaya mendapat mata kemenangan sa-banyak 8 mata.

PEMBELA anjorkan perlawanan bola sepak

KUALA BELAIT. — Persatuan Belia Belait, PEMBELA akan menganjorkan satu perlawanan bola sepak terbuka kepada sharikat2 peniagaan dan kontrektor2 dan Jabatan2 Kerajaan di-seluruh negeri.

Perlawanan itu di-adakan sempena sambutan perkahwinan diraja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolikah dengan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte Pg. Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Awang Yong Sok telah menghadiahkan sa-buah piala untuk perlawanan itu.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata tiap2 peserta boleh menghantar tiga pasokan dan tiap2 pasokan akan di-kenakan bayaran masuk sa-banyak \$20.00.

Perlawanan yang di-jalakan sa-chara pukul keliling itu akan di-mulakan pada minggu kedua bulan depan.

Borang2 masuk boleh didapati sekarang dari Awang Hashim Suhaimi di-Pejabat Workshop P.W.D. Kuala Belait, Che'gu Jumat Matyassin di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria, Che'gu Tamin Abdul Rahman Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, Awang Sulaiman Puteh di-Pejabat Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan dan Pejabat Daerah, Tutong.

Borang2 itu berserta wang bayaran masuk hendaklah di-hantar tidak lewat daripada 4hb. September.

Dengan itu, JKR menduduki tempat yang ketiga dalam perlawanan sa-hingga 25hb. Ogos itu. Banyak gol yang di-jaringkan oleh JKR ia-lah 15 dan 9 gol di-jaringkan oleh pihak lawan-nya.

Jabatan Perubatan menduduki tempat yang ke-empat dengan memenangi tiga dari tujuh perlawanan termasuk sa-kali seri dan tiga kali kalah dengan menjaringkan gol kemenangan sa-banyak 16 dan 17 gol di-jaringkan oleh pihak2 lawan-nya. Dengan tiga kali menang dan sa-kali seri itu, Jabatan Perubatan memperolehi sa-banyak 7 mata.

Tempat yang ke-lima, jatoch kapada Jabatan Penjara dengan memperolehi 5 mata dari kedudukan-nya sa-kali menang dan tiga kali seri serta sa-kali kalah. Jabatan Penjara menjaringkan 14 gol dan lima gol di-jaringkan oleh pihak2 lawan-nya.

Jabatan Pertanian jatoch ka-tempat yang ke-enam dengan memperolehi 4 mata dari kemenangan-nya sa-banyak dua kali dari lima kali perlawanan termasuk tiga kali kalah. Pertanian menjaringkan sa-jumlah 23 gol di-kubu pertahanan-nya dan hanya 4 gol di-jaringkan oleh pihak2 lawan-nya itu.

Tempat yang ke-tujuh jatoch kapada Jabatan Agama dengan memperolehi tiga mata dari hasil perlawanan-nya sa-kali menang dan sa-kali seri. Ia kalah dalam empat perlawanan dan hanya menchipta 8 gol dan di-jaringkan oleh pihak2 lawan-nya sa-banyak 18 gol.

Tempat yang ke-lapan jatoch kapada gabungan Jabatan Pe-

nyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka dengan dua mata dari kemenangan-nya yang hanya sa-kali sahaja dan di-tewaskan sa-banyak empat kali. Pasokan tersebut menjaringkan enam gol ka-kubu pertahanan pihak2 lawan-nya dan di-jaringkan sa-banyak 23 gol oleh pihak2 lawan-nya.

Tempat yang terakhir sekali jatoch kapada pasokan Jabatan Kewangan yang kalah dalam kelima2 perlawanan dan hanya berjaya menjaringkan lima gol ka-kubu2 pertahanan pihak lawan-nya, tetapi pihak2 lawan-nya menjaringkan sa-banyak 29 gol.

Kedudukan bagi besemua perlawanan tersebut bagi menentukan pasokan mana yang berjaya menjadi johan akan dapat di-tentukan pada 3hb. September ini.

Brunei sertai perlawanan bola keranjang di-Singapura

BERAKAS. — Satu pasokan pemain2 bola keranjang telah berlepas ka-Singapura pada hari Jumaat lepas ini ka-perlawanan bola keranjang di-republik tersebut.

Perlawanan itu telah di-adakan di-Stadium Gay World mulai 26hb. Ogos.

Pasokan2 dari negara2 Asia Tenggara yang lain juga di-jangka akan mengambil bahagian dalam perlawanan itu.



Tiga orang pemain dari pasokan KUBU yang telah di-pilih untuk mewakili Brunei dalam perlawanan sepak takraw antara Wilayah Borneo. Zaini Abd. Hamid (no. 2 dari kiri), Md. Yusof (no. 4 dari kiri) dan Md. Daud (di-kanan sekali).

Empat pemain sepak takraw di-pilih wakili Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sepak Takraw Negeri Brunei, rengkas-nya PESTA BARU, telah memilih empat orang pemain untuk mewakili negeri ini ka-perlawanan sepak takraw antara wilayah Borneo yang akan di-adakan di-Kuching pada penghujung bulan depan.

Pemain2 yang telah di-pilih itu ia-lah Awang Yusof bin Tuah, Awang Zaini bin Abdul Hamid, Awang Daud bin Hitam dan Awang Damit bin Sulaiman sa-bagai pemain simpanan.

Perlawanan tersebut di-adakan bagi merebut piala yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Sejak perlawanan itu di-mulakan dalam tahun 1968 yang lalu, Sarawak telah memenangi piala itu sa-banyak dua kali ia-itu dalam tahun2 1968 dan 1969 sementara Brunei juga memenangi piala itu sa-banyak dua kali, dalam tahun 1970 dan tahun lepas.

Perlawanan bola sepak anjoran PERKA

BERAKAS. — Persatuan Perpindahan Kampong Ayer Berakas, rengkas-nya PERKA, akan menganjorkan perlawanan bola sepak yang terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan di-Berakas, baha-gian Brunei Dua dan Tiga.

Perlawanan tersebut akan di-adakan di-padang Sekolah

Melayu Amar Pahlawan pada awal bulan September ini.

Persatuan2 Belia dan Kebajikan yang ingin mengambil bahagian dalam perlawanan itu boleh-lah menghantar tidak lebih dari dua buah pasokan dengan bayar sa-banyak \$10.00 bagi tiap2

satu pasokan.

Borang2 itu boleh di-dapati dari Awang Ismail bin Ibrahim, di-Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong/Kilanas, Awang Suhaili bin Haji Hasbollah di-Pejabat Pos atau Awangku Mahalee bin Pengiran Damit di-Pejabat Imigrasi Bandar Seri Begawan.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Pemohonan2 adalah di-pelawa daripada pegawai2 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan yang terdiri daripada rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenuhi jawatan2 kosong yang berikut:-

DI-JABATAN KENDERAAN DARAT

A. PEMEREXSA KENDERAAN

Sukatan Gaji:

C.1 EB. 2 — \$610 — 640-680/- EB/710x30-950.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (i) chalu2 mesti-lah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya dan Darjah V Melayu;
- (ii) chalu2 mesti-lah mempunyai Sijil Sekolah Pertukangan dalam Bahagian Mechanical Engineering dari Sharikat B.S.P. atau lain2 sijil yang sebanding; atau chalu2 mesti-lah pernah berkhidmat di-sebuah Jabatan Kejuruteraan sa-bagai Foreman Mechanic sekurang2-nya sa-lama lima tahun atau pun mempunyai pengetahuan baik dalam tugas2 pentadbiran dan teknikal sa-seorang Pemeriksa Kenderaan;
- (iii) chalu2 mesti-lah mempunyai lesen pemandu untuk memandu kenderaan2 kelas 1 dan 4.

Tugas2:

Memeriksa kenderaan2 dan menyediakan laporan2 kerosakan; memeriksa dan menyediakan laporan2 mengenai kenderaan2 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya; menguji pemohon2 bagi mendapat lesen2 pemandu; membantu dalam kerja2 am di-pejabat. Pemeriksa2 Kenderaan mungkin juga di-kehendaki bertugas pada hari2 Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam sekiranya mereka di-kehendaki oleh pihak polis untuk memeriksa kenderaan2 yang terlibat dalam kemalangan jalan raya.

DI-JABATAN LAUT

B. JURUTERA TINGKATAN KHAS

Sukatan Gaji:

D.4 — \$540x20-660.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (i) pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 30 tahun dan telah berkhidmat dalam bidang kejuruteraan laut sekurang2-nya sa-lama 14 tahun, empat tahun daripada tempoh ini sa-bagai Jurutera Tingkatan I;
- (ii) mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Pemandu Injin Kelas Pertama (Motor) Keutamaan akan di-beri kepada chalu2 yang telah memperoleh sijil ini sekurang2-nya sa-lama dua tahun;
- (iii) mempunyai kebolehan menjaga dan mengawas pekerjaan2 di-bawah jagaan-nya dalam menjalankan tugas2 mereka;

- (iv) mempunyai pengalaman dalam semua chawangan kejuruteraan laut dan boleh mengawas, memelihara dan memperbaiki compression ignition marine diesel engines sa-hingga 225 Brake Horse Power, dan juga memperbaiki keseluruhan-nya lain2 perkakas injin marine.

C. JURUTERA TINGKATAN I

Sukatan Gaji:

D.3 — \$410-20-510.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (i) pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 26 tahun dan telah berkhidmat dalam bidang kejuruteraan laut sekurang2-nya sa-lama 10 tahun, empat tahun daripada tempoh ini sa-bagai Jurutera Tingkatan II;
- (ii) mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Pemandu Injin Kelas Dua (Motor);
- (iii) mempunyai kebolehan menjaga dan mengawas pekerjaan2 di-bawah jagaan-nya dalam menjalankan tugas2 mereka;
- (iv) mempunyai pengalaman serta boleh mengawas, memelihara dan memperbaiki compression ignition marine diesel engines sa-hingga 225 Brake Horse Power.

D. JURUTERA TINGKATAN II

Sukatan Gaji:

E.2 EB.3 — \$260x10-290/EB-300x10-350.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (i) pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 22 tahun dan telah berkhidmat dalam bidang kejuruteraan laut sekurang2-nya sa-lama 6 tahun sa-bagai Kelasi Tingkatan I atau II (Engine Room Hand);
- (ii) mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Pemandu Injin Kelas Tiga (Motor).

pan sa-bagai Pemandu Injin Kelas Tiga (Motor).

E. KELASI TINGKATAN I, BAHAGIAN2 DEK DAN KEJURUTERAAN

Sukatan Gaji:

F.3 EB.4 — \$220x5-240/EB/245 x5-260.

- (i) pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama 4 tahun sa-bagai Kelasi Tingkatan II sama ada dalam Bahagian Dek atau Kejuruteraan;
- (ii) sehat dan berbadan tegap, dan mempunyai penglihatan yang baik; boleh berenang tidak kurang dari 220 elu;
- (iii) mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Mate of a Coastal Trade Ship (bagi Bahagian Dek) atau Sijil Kecekapan sa-bagai Pemandu Injin Kelas Tiga (bagi Bahagian Kejuruteraan), atau pun sijil yang lebih tinggi merupakan satu kelebihan.

'AM:

Sa-telah menjalani satu tempoh perkhidmatan di-laut, chalu2 yang berjaya di-kehendaki menghadiri kursus2 latehan untuk menduduki peperiksaan2 untuk mendapat Sijil2 Kecekapan. Mereka boleh di-tugaskan di-mana2 daerah di-dalam negeri.

Pemohonan2 hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama2 pemohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendaklah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 23hb. September, 1972.

Sa-bagai Ketua Pembantu Teknik

Pemohonan2 adalah di-pelawa dari chalu2 yang berkelayakan bagi jawatan Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Pejabat Talikom Negara, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalu2 hendaklah sa-baik2-nya kelulusan hingga ka-peringkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi pengalaman praktikal yang luas dan kebolehan yang terbukti akan dianggap lebih mustahak. Pemohon2 hendaklah juga mempunyai sekurang2-nya 7 tahun pengalaman praktikal dengan sa-buah badan pentadbiran talikom atau yang sama serta mempunyai pengalaman luas mengenai alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan mengenai alat2

Penchalunan Ketua Kg.

(Dari muka 3)

- (d) Mesti-lah tinggal bermastautin di-Kampung Batang Tuau.

- (e) Ia bukan Pegawai Kerajaan, kaki-tangan Sharikat atau Badan Perniagaan.

Borang2 Pendaftaran sa-bagai chalu2 boleh di-perolehi daripada Pegawai Daerah, Temburong.

U.H.F. merupakan satu kelebihan tambahan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — 1000x30-1120 / EB / 1160x30-1280. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa percutian sa-lama enam bulan dan kontrol boleh di-baharu dengan persetujuan bersama. Bagi chalu2 yang terdiri rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutian.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 5hb. September, 1972.

Sa-bagai Penterjemah Kanan

Pemohonan2 adalah di-pelawa bagi memenuhi jawatan Penterjemah Kanan, di-Jabatan Surohannya Perkhidmatan Awam, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu, dan lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut serta sekurang2-nya Darjah VI Melayu. Chalu2 hendaklah tahu membaca dan menulis tulisan jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C2-\$710x30-950. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalu2 yang berjaya yang bukan rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa percutian sa-lama enam bulan. Bagi chalu2 yang berjaya yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh percutian.

Baksis:

Bagi sa-orang chalu2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 7hb. September, 1972.

Wakil2 qari dan qari'ah

(Dari muka 3)

Mereka telah di-pilih daripada 37 orang peserta yang mengambil bahagian dalam peraduan membaca Quran Bahagian Brunei Satu yang telah berlangsung di-Madrasah, Bandar Seri Begawan pada hari Jumaat.

Bahagian Brunei Dua akan di-wakil oleh Awang Jumat bin Haji Nayan, Awang Ghafar bin Abdul Ghani, Awang Jaafar bin Bangok, Dayang Rosni binte Bahar, Dayang Aemah binte Paidi, dan Dayang Sa'adiyah binte Hussain.

Sementara itu Daerah Temburong telah juga memilih tiga orang peserta ia-itu Awg. Mohamed Yusof bin Awang Damit, Awang Nordin bin Haji Arsad dan Dayang Sharifah Hasnah binte Malai Yahya untuk mewakili daerah itu ka-peraduan membaca Quran seluruh negeri yang akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

Mereka telah di-pilih dalam peraduan membaca Quran Peringkat Daerah yang di-adakan Pekan Bangar, Temburong pada minggu lepas.

Lebeh 300 akan hadhiri Seminar Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Lebeh dari 300 orang yang terdiri dari perwakilan persatuan2 belia dan kebajikan dan pemerhati2 akan menghadhiri seminar peranan belia dalam perkembangan ekonomi pada hujung bulan September ini.

Seminar itu akan berlangsung sa-lama tiga hari di-Pusat Belia dari 29hb. September hingga 1hb. Oktober, di-bawah anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Sa-orang juruchakap majlis itu menyatakan bahawa jemputan2 kepada persatuan2 belia dan kebajikan sama ada yang bergabung dengan MBB atau tidak telah pun di-edarkan sekarang.

Beliau berkata bahawa tiap2 perwakilan dari persatuan2 belia dan kebajikan tidak di-hadkan bilangan-nya tetapi hendaklah tidak kurang dari empat orang, termasuk dua orang ketua perwakilan masing2 yang akan hadir dalam dua seksi persidangan seminar itu.

Mengenai dengan pemerhati, juruchakap itu menyatakan bahawa mereka itu ada-lah terdiri dari ahli2 persatuan yang belum bergabung dengan MBB dan orang2 perseorangan. Ramai mereka yang akan menghadhiri persidangan itu juga tidak di-hadkan.

Pendaftaran untuk mengambil bahagian dalam seminar itu sedang di-buka sekarang dan akan di-tutup pada 21hb. September, 1972.

Semua surat2 dan borang2 pendaftaran itu hendaklah di-alamatkan sama ada kepada Pengerusi Seminar, Awang Yahya bin Haji Ibrahim di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, atau Setia Usaha Seminar, Awangku Yusof bin Pengiran Anak Hashim di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, atau Awang Ahmad Ghaffar di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan.

Istiadat2 Perkahwinan Diraja

(Dari muka 1)

Pada sa-belah malam hari Rabu itu juga telah berlangsung Istiadat "Menghantar Tanda Diraja" dari Istana Darul Hana ka-rumah kediaman Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman di-Batu 2, Jalan Tutong.

Istiadat Menghantar Pertunangan Diraja berlangsung pada hari Khamis lepas dari Istana Darul Hana ka-rumah Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman.

Pada sa-belah malam hari Ahad lepas di-langsungkan pula "Istiadat



DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sedang mendengar penerangan dari Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Dato Paduka Othman, semasa D.Y.M.M. berehat di-Balai Raya Kampong Bukit, Daerah Tutong. Dudok di-kanan Baginda ia-lah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir. Lebeh dari 700 orang penduduk yang kebanyakan-nya dari puak Dusun hadir di-Balai Raya itu untuk mengalu2kan keberangkatan Baginda ka-kampung itu. Kampung Bukit ada-lah salah sa-buah kampung yang di-kunjongi oleh D.Y.M.M. dalam siri lawatan Baginda ka-empat buah kampung di-Ulu Tutong pada hari Selesa lepas.

8,000 murid2 akan mengalu2kan Pengantin Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir2 8,000 orang murid dari 22 buah sekolah dan maktab2 di-Daerah Brunei/Muara akan berbaris di-tepi2 jalan kerana meraikan perarakan Pengantin Diraja antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah dengan Yang Mulia Pengiran Norhayati binte Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman pada hari Khamis, 31hb. Ogos esok.

Murid2 sekolah itu akan berbaris mulai dari jam 2.00 petang di-sepanjang Jalan Istana, Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty dan Jalan Stoney yang akan di-lalui oleh perarakan Pengantin Diraja itu untuk mengelilingi bandar.

Murid2 itu akan mengibarkan bendera kedua Pengantin Diraja itu sambil menguchapkan "Selamat Pengantin Diraja" di-sepanjang jalan yang akan di-lalui oleh perarakan itu.

Sekolah Persediaan Inggeris ada-lah di-antara murid2 yang paling ramai menyertai perbarisan itu nanti, ia-itu sa-ramai 1,650 orang, di-ikuti oleh Sekolah Menengah Melayu SMJA sa-ramai 1,109 orang dan Guru2 sa-ramai 688 orang.

Sementara itu, pehak Polis telah mengeluarkan arahan2 kepada pemandu2 kenderaan menuju ka-Bandar Seri Begawan dari Tutong hendaklah melalui Jalan Gadong.

Mulai pukul 3.00 petang, Jalan Tutong akan di-tutup kepada lalu lintas bermula dari Batu 8 dan kenderaan2 dari Tutong yang menuju ka-Bandar Seri Begawan atau Muara hendaklah melalui Jalan Gadong.

Bermula dari pukul 2.00 petang, kenderaan2 dari Bandar Seri Begawan yang hendak menuju ka-Tutong atau Kuala Belait hendaklah menggunakan Jalan Kumbang Pasang melalui Jalan Kianggeh. Keadaan ini akan berjalan sa-hingga pukul 6.00 petang pada hari perarakan Pengantin Diraja itu.

Semua kenderaan tidak di-benarkan di-taroh, mulai pukul 2.00 hingga 6.00 petang di-Jalan Tutong, Jalan Sultan, Jalan McArthur, Jalan Pretty dan Jalan Stoney.

Kapada para jemputan ka-Istana ada-lah di-nasehatkan supaya berkongsi menaiki kenderaan bagi membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas dan kemudahan2 penarohan.

an lalu lintas dan kemudahan2 penarohan.

Di-sepanjang perarakan itu, pemandu2 di-nasehatkan supaya bergerak perlahan2 bagi memelihara keselamatan jalan raya di-mana anak2 sekolah akan sama2 mengambil bahagian dengan berbaris di-tepi2 jalan kerana mengalu2kan Pengantin Diraja itu.

Masalah yg akan di-kaji dlm seminar

(Dari muka 1)

bangun yang lengkap bagi sa-buah negara yang sedang membangun.

Chara pengkajian yang akan di-jalankan oleh seksi itu ia-lah dengan memperkatakan keadaan pendidekan belia sekarang dan hubungan keadaan itu dengan ada-nya penganggoran yang mulai menjadi nyata dan kemungkinan2 masa hadapan bagi lulusan2 sekolah yang tidak mendapat kelulusan atau latehan yang memuaskan.

Sidang seksi ini akan menchari jalan2 yang dapat mengatasi hal tersebut sama ada dalam jangka pendek mahu pun jangka panjang dari segi2 yang bersangkutan ia-itu usaha2 belia2 sendiri, pehak2 swasta dan Kerajaan.

Bagi menyampaikan mak-sud2 itu, maka seksi tersebut akan memperkatakan rancangan2 dan pelaksanaan-nya.

Jurusan pengkajian seksi "A" itu ia-lah masalah penganggoran di-kalangan belia dan saranan2 untuk menyelesaikannya; dan, pelajaran dan latehan yang di-perlukan bagi kehendak2 pembangunan Brunei sekarang dan saranan2 mengenainya.

Seksi "B" seminar itu pula akan berusaha menchari masalah2 yang sedang di-hadapi oleh belia2 dalam peranan mereka menjalankan usaha2 bidang ekonomi dari segi pengetahuan berniaga, pentadbiran ekonomi, modal, pasaran dan lain2.

Dari seksi ini akan berusaha menghuraikan fahaman2 baru

mengenai perusahaan2 ekonomi yang patut di-chuntohi sa-chara praktikal dan teori oleh belia2.

Seksi "B" ini juga akan chuba menghuraikan bidang2 baru yang belum di-tempoh oleh belia2 dan menchari jalan2 yang boleh membentuk satu rupa rancangan yang boleh di-jalankan oleh belia2 sa-chara ter-ator dalam masa berperengkat2.

Chara mengkaji yang akan di-jalankan oleh seksi itu ia-lah memperkatakan masalah2 sa-hari2 yang di-hadapi oleh belia2 dalam menjalankan usaha dan kegiatan2 ekonomi mereka dan menchari jalan2 yang boleh mengatasi soal2 itu dari segi teori dan praktikal.

Akan di-perkatakan juga rancangan2 dan pelaksanaan yang timbul oleh kehendak2 yang di-atas.

Jurusan pengkajian seksi ini ia-lah belia dengan gerakan ekonomi di-Brunei dan peranan belia dalam bidang perusahaan2 pertanian.

Buku perchuma

(Dari muka 1)

oleh umat Islam terutama kepada pelajar2 yang akan memasuki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran dalam mata pelajaran Sejarah Islam dan Kertas 'Am.

Buku yang bersifat ilmiah itu dalam berukuran 5 $\frac{1}{2}$ "x7 $\frac{1}{4}$ " di-chetak dalam bilangan yang terhad dan akan di-bahagi2kan dengan perchuma, bagaimana pun keutamaan akan di-beri kepada Maktab2 dan Sekolah2 dalam negeri ini untuk bahan rujukan di-khutub2 khaman di-sekolah2 mereka.